



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

28 FEBRUARI 2025 (JUMAAT)

ASF: Sarawak larang import daging babi dari Semenanjung

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Borneo	Utama Sarawak	Online	28 Feb



KUCHING Sarawak kini melarang pengimportan daging babi dan produk haiwan berkenaan dari Semenanjung susulan daripada penularan wabak Demam Babi Afrika (ASF) di Kuala Langat, Selangor.

Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah, Dato Sri Dr Stephen Rundi Utom berkata, tindakan itu amat perlu bagi melindungi Sarawak daripada virus yang boleh kesan buruk kepada industri babi di Sarawak.

“Kami hanya membenarkan pengimportan daging babi dan produk babi dari negara bebas penyakit untuk kedua-dua ASF dan

penyakit kuku dan mulut (FMD) serta ladang yang diluluskan oleh kementerian saya melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Sarawak dengan permit import yang sah. “Selama ini, JPV Sarawak tidak pernah membenarkan pengimportan babi hidup dari Semenanjung kerana rantau ini masih tidak bebas FMD,” katanya menerusi kenyataan, hari ini.

Katanya, pengimportan tanpa permit import adalah satu kesalahan di bawah seksyen 8, Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999 maksimum RM50,000 dan produk akan dirampas.

Baru-baru ini dilaporkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor (JPV Selangor) mengesan 76,000 dari 250,000 babi di 56 ladang babi dipercayai dijangkiti penyakit ASF, sejak 28 Januari lalu.

Pengarahnya Dr Hassuzana Khalil berkata, penularan wabak itu dipercayai berlaku pantas kerana jarak antara ladang sangat dekat iaitu antara 0.5 hingga 1 kilometer dan keadaan itu menyumbang kepada kadar jangkitan yang tinggi.

Menurutnya, bagi mengekang penularan penyakit ASF terus merebak khususnya keluar dari negeri ini, JPV Selangor mengambil beberapa langkah proaktif mengikut Akta Binatang 1953.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR